

Pengalaman berdepan kejadian banjir besar sebelum ini membolehkan Terengganu membuat persiapan rapi menghadapi bencana alam itu di jangka akhir tahun ini.

Memandangkan musim tengkujuh sudah melanda negeri itu, persiapan dilakukan kerajaan negeri, termasuk menyediakan 521 pusat penempatan sementara, 162 pangkalan hadapan bagi menyimpan barangan makanan dan peralatan bot serta melakukan simulasi banjir.

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, pihaknya yakin dapat berdepan banjir di negeri itu melalui persiapan dilakukan membabitkan jangka pendek dan panjang.

“Pada masa sama, kita mempunyai seramai 10,000 sukarelawan Transformasi Terengganu Baharu (TTB) yang sedia dikerahkan untuk membantu mangsa banjir di seluruh Terengganu.

“Di tempat yang kerap banjir, kita juga menyediakan manual lengkap dan penduduk juga sudah tahu apa yang perlu dibuat jika berlaku banjir,” katanya pada sidang media sempena Majlis Minum Petang Bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sempena Festival Pesona Terengganu 2015 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini, semalam.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Terdahulu, Najib dan Rosmah meluahkan masa kira-kira 30 minit melawat tapak gerai festival itu sebelum menikmati pelbagai juadah tradisi Terengganu dan dihiburkan dengan persembahan nyanyian tradisional.

Ahmad Razif berkata, pihaknya juga sudah melak-



NAJIB bersama Rosmah dalam Program Pesona Terengganu di Dataran DBKL, Kuala Lumpur sambil diperhatikan Ahmad Razif.

Bersiap **hadapi** banjir

■ Terengganu sedia 521 pusat penempatan sementara

Karnival jadi acara tahunan

Kuala Lumpur: Karnival Pesona Terengganu bakal dijadikan acara tahunan di negeri lain dan luar negara pada masa akan datang berikutan menerima sambutan amat menggalakkan daripada pengunjung.

Dalam tempoh empat hari lebih 100,000 pengunjung mengunjungi gerai festival yang disediakan di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Dataran Merdeka.

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif

Abd berkata, maklum balas diterimanya menunjukkan pengunjung begitu teruja untuk membeli dan menikmati pelbagai produk makanan tradisional negeri itu.

Katanya, beliau menyifatkan karnival selama lima hari itu mencapai sasaran dari segi petunjuk prestasi utama (KPI) serta memberi pengalaman berguna kepada semua yang terbabit berkaitan pengurusan program di luar Terengganu.

“Keduanya, kita nak bantu

usahawan dan menerusi program ‘Consumer Show’ iaitu promosi serta jualan produk industri kecil dan sederhana (IKS) dan ‘Terengganu Kitchen’ yang memperkenalkan makanan tradisional Terengganu, sambutan amat menggalakkan.

“(Pengunjung) teruja nak makan dan makanan cepat habis hingga timbul rasa tak puas hati makanan lambat disediakan. Saya dapat maklumat, makanan disediakan begitu banyak,” katanya.

sanakan langkah jangka pendek, termasuk membina tebatan banjir dan memberihkan parit di kawasan yang sering dilanda banjir sementara menunggu penyelesaian jangka panjang dilaksanakan.

Mengulas lanjut, katanya, pada tahun lalu, negeri itu dinobatkan sebagai negeri paling bagus dalam pengurusan banjir dan akan mengekalkannya serta menjadikan lebih baik pada tahun ini.

“Kita juga mengambil langkah mengenal pasti tempat kerap berlaku banjir dan puncanya. Tindakan jangka pendek yang dilakukan seperti pembersihan parit sementara menunggu penyelesaian jangka panjang,” katanya.